

EKSPLO PENYELIDIKAN & REKACIPTA UniMAP 2008 (8 JAN 2009)

Ekspo Penyelidikan & Rekapipta UniMAP 2008 adalah yang ke-3 kalinya dianjurkan secara besar-besaran oleh Unit Penyelidikan & Pembangunan (R&D) UniMAP. Seperti tahun-tahun lalu, penyertaan dari penyelidik-penyelidik UniMAP adalah sangat menggalakkan dimana sebanyak 112 produk penyelidikan telah dipertandingkan pada ekspo kali ini yang telah berlangsung pada 8 Januari 2009, bertempat di perkarangan Kompleks Pusat Pengajian Jejawi 3.



Objektif utama ekspo ini adalah untuk memilih produk-produk penyelidikan yang bermutu serta berpotensi untuk diketengahkan dan akan dibawa ke pertandingan rekapipta dan inovasi diperingkat kebangsaan disepanjang tahun 2009. Dan jika produk-produk ini berjaya memperoleh sekurang-kurangnya pingat perak di pertandingan peringkat kebangsaan, ia akan dipilih untuk dihantar ke pertandingan rekapipta & inovasi di peringkat antarabangsa. Pada tahun ini UniMAP telah merancang untuk menyertai lebih dari 6 pameran diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Antaranya di Malaysia Technology Expo (MTE), ITEX, Geneva, PECIPTA (R&D IPTA), Bio Malaysia, EUREKA Belgium dan INPEX Amerika Syarikat.



Sebanyak 16 orang juri yang terdiri daripada profesor dan pensyarah-pensyarah kanan UniMAP yang berpengalaman luas di dalam bidang penyelidikan telah dilantik untuk mengadili pertandingan pada tahun ini. Produk-produk yang bertanding telah dinilai dari sudut idea, praktikaliti produk, daya inovasi, potensi untuk dikomersilkan, cost-effective dan penerangan serta persembahan produk. Hasilnya, sebanyak 17 pingat emas, 18 pingat perak dan 40 pingat gangsa telah diperolehi oleh para penyelidik yang bertanding. Pemenang-pemenang inilah yang akan menggalas cabaran UniMAP ke pertandingan rekapipta & inovasi di sepanjang tahun 2009.

